

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW

TARIKH : 24 JULAI 2018

SOALAN : 69

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan menyatakan status dan perkembangan terkini projek Pelabuhan Melaka Gateway dan Pelabuhan Pulau Carey.

JAWAPAN

Melaka Gateway

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, projek pembangunan Pelabuhan Melaka Gateway adalah merupakan projek inisiatif swasta (*Private Initiative Project*) yang diterajui oleh sebuah syarikat tempatan KAJ Development Sdn. Bhd. (SKDSB) bersama syarikat asing Powerchina International Group.

Pada 29 Januari 2016, Lembaga Pelabuhan Melaka secara prinsip (*in principle*) telah meluluskan lesen kendalian dan pembangunan *Integrated Multipurpose Deep Sea Port Melaka Gateway*. Selain itu, pada 6 Mac 2018 Lembaga Pelabuhan Melaka juga telah mengeluarkan lesen operasi bersyarat kepada SKDSB. Walau bagaimanapun, syarikat berkenaan tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Untuk makluman Dewan, tempoh sah laku kelulusan prinsip yang diberikan kepada SKDSB oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Jabatan Alam Sekitar untuk tujuan melaksanakan kajian hidraulik telah tamat tempoh.

Dengan mengambil kira perkembangan tersebut, pada 20 Julai 2018 Lembaga Pelabuhan Melaka telah mengeluarkan surat kepada SKDSB untuk memaklumkan bahawa terma-terma lesen dan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan kepada syarikat tersebut akan dikaji semula kerana tempoh sah laku kelulusan berprinsip bersertakan syarat-syarat yang ditetapkan oleh agensi-agensi Kerajaan telah tamat tempoh dan tidak dipatuhi. Dengan itu SKDSB diberi masa selama 10 hari dari tarikh surat tersebut

untuk mengemukakan maklumbalas bagi membolehkan Kerajaan menilai semula kedudukan projek pembangunan Pelabuhan Melaka Gateway.

Pelabuhan Ketiga di Pulau Carey

Pelabuhan Klang yang merangkumi Terminal Pelabuhan Selatan, Utara dan Barat telah mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan dengan purata pertumbuhan pada kadar 9% dalam tempoh 10 tahun. Ini menjadikan Pelabuhan Klang diiktiraf sebagai pelabuhan ke-12 paling sibuk di dunia dengan jalinan hubungan perdagangan bersama lebih 120 buah negara dan berurusan dengan 534 buah pelabuhan di seluruh dunia. Cadangan pembinaan pelabuhan Keempat (4) di Pulau Carey adalah bagi menampung kepesatan pertumbuhan kendalian kontena di Pelabuhan Klang melalui penambahan kapasiti dermaga dan yad kontena pada masa hadapan.

Dengan itu, Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk melantik Lembaga Pelabuhan Kelang sebagai agensi pengawalselia dan perancang pembangunan di Pelabuhan Klang untuk melaksanakan kajian secara terperinci terhadap keperluan dan kebolehlaksanaan projek pembangunan pelabuhan di Pulau Carey. Kerajaan akan membuat penilaian dan keputusan mengenai projek pembangunan tersebut secara teliti berdasarkan penemuan hasil kajian. Pelaksanaan Kajian tersebut akan mengambil masa 24 bulan dan dijangka dimuktamadkan pada tahun 2020.